

RISALAH PEMBERITAHUAN PRODUK

Pelanggan Yang Dihormati,

Risalah Pemberitahuan Produk (PDS) ini bertujuan untuk memberikan anda maklumat yang penting mengenai Insurans Semua Risiko Pembinaan anda.

Pelanggan-pelanggan lain telah membaca PDS ini dan mendapati ia bermanfaat; **anda juga harus membacanya.**

Maklumat yang terkandung di dalam Risalah Pemberitahuan Produk ini adalah sah dari 1 Januari 2026.

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah sijil/polisi/produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi The Pacific Insurance Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

1. Apakah Insurans Semua Risiko Pembinaan?

Insurans Semua Risiko Pembinaan direka untuk memenuhi kewajiban insurans yang ditetapkan di bawah syarat-syarat kontrak. Polisi ini melindungi perjalanan kerja berkaitan dengan kontrak, kerja-kerja sementara, bahan-bahan, pembinaan loji, peralatan yang digunakan ditapak binaan dan liabiliti yang timbul dari semasa pelaksanaan kontrak tersebut.

2. Ketahui Perlindungan Anda

Sebagai ilustrasi, Pemasangan dan pentauliah mesin dengan jumlah diinsuranskan sebanyak RM 500,000.00, anda akan mendapat perlindungan Insurans Semua Risiko Pembinaan berikut dengan bayaran sebanyak RM 1,250.00 dalam tempoh perlindungan (tertakluk kepada Cukai Perkhidmatan dan Duti Setem):

Polisi ini melindungi:	Polisi ini mengecualikan:
<ul style="list-style-type: none">Seksyen I – Kerosakan Bahan Seksyen ini menyediakan perlindungan dari kejutan dan kemungkinan kerugian fizikal atau kerosakan berkaitan semua risiko terbabit di dalam pembinaan dan pemasangan jentera, loji dan struktur besi semasa dalam tempoh diinsurans.Seksyen II – Liabiliti Pihak Ketiga Seksyen ini mengambil kira liabiliti pihak ketiga di mana dari segi undang-undang kami perlu membayar pampasan akibat kerosakan tersebut:<ul style="list-style-type: none">(i) Kecederaan dan kesakitan badan akibat kemalangan kepada pihak ketiga(ii) Kehilangan atau kerosakan pada harta kepunyaan pihak ketiga <p>Tempoh perlindungan adalah berpadanan dengan tempoh perjanjian yang mana dinyatakan di dalam Surat Penganugerahan.</p>	<ul style="list-style-type: none">Peperangan, Peperangan awam dan sebarang perlakuan keganasanRisiko radioaktif dan tenaga nuklearPerlakuan sengaja atau kecuaiian sengajaKehausan dan keusanganKesilapan rekabentuk, kerosakan bahan atau acuan dan/atau hasil kerja tidak memuaskanKerosakan mekanikal dan/atau elektrik atau kesilapan loji dan jenteraAkibat sebarang kerugian termasuk penalti kelewatan, kekurangan pelaksanaan, pembatalan kontrak/kehilangan kontrakKontraminasi resapan dan pencemaranAsbestos <p><i>Nota: Senarai ini tidak lengkap. Anda harus merujuk kepada polisi untuk senarai penuh pengecualian.</i></p>

Dengan membayar premium tambahan, anda boleh memperluaskan perlindungan untuk merangkumi:

- Pengalihan debris
- Yuran Professional
- Harta Sedia Ada Pemilik Tanah
- Loji dan Jentera Kontraktor (LJK)

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan bantuan mengenai Insurans Semua Risiko Pembinaan, anda boleh:



Hubungi kami di
+603-2633 8999



Lawati laman sesawang kami di:
Insurans Semua Risiko Pembinaan



E-mel kami di:
customerservice@pacificinsurance.com.my

3. Ketahui Kewajipan Anda

Bagi Insurans Semua Risiko Pembinaan ini, anda dikehendaki membayar premium sebanyak:

Perlindungan Standard	RM 1,250.00
Jumlah premium yang anda perlu bayar ialah RM1,250.00 .	

Anda juga dikehendaki membayar kos dan caj berikut:

Duti Setem	RM 10.00 (layak mendapat pengecualian sehingga 31 Disember 2028 dengan syarat jika pemegang polisi adalah seorang individu, dan premium kasar tahunan tidak melebihi RM150; atau ialah MSME dengan syarat sijil MSME yang sah mesti diserahkan, dan premium kasar tahunan tidak melebihi RM250)
Komisen	15% daripada premium atau RM 187.50 (termasuk dalam jumlah premium)
Cukai Perkhidmatan	8% daripada premium atau RM 100.00

4. Terma-terma penting yang lain

- Sebarang lanjutan tempoh kontrak akan dipertimbangkan tertakluk kepada pemberitahuan awal kepada pihak kami melalui pengisytiharan dan menyerahkan dokumen tambahan.
- Anda mestilah memastikan jumlah yang anda insuranskan tercatat di dalam jadual tidak kurang dari:
 - (a) Nilai penuh kontrak tersebut setelah siap sepenuhnya
 - (b) Nilai penggantian daripada pembinaan, loji dan jentera (jika ada)
- Amaun yang boleh ditolak / berlebihan ialah amaun yang perlu anda tanggung sebelum kami membayar tuntutan.
- Premium anda adalah bergantung kepada jumlah diinsuranskan, risiko pendedahan dan keperluan pengunderaitan pihak kami.
- Sekiranya jumlah diinsuranskan dinyatakan bagi harta anda adalah kurang daripada jumlah nilai sebenar yang telah diinsuranskan pada waktu kerugian berlaku, anda dianggap menanggung sendiri terhadap perbezaannya.
- Syarat sumbangan – sekiranya pada masa apa-apa tuntutan yang terbit di bawah polisi ini terdapat mana-mana insurans yang serupa terhadap kehilangan, kerosakan dan liabiliti, maka kami tidak akan bertanggungjawab untuk membayar atau menyumbangkan lebih banyak daripada kadar sepatutnya bahagian keadaan mana-mana tuntutan ke atas kerosakan atau liabiliti.
- Premium mesti dibayar dan diterima oleh kami dalam masa 60 hari dari hari perlindungan bermula, jika tidak perlindungan ini adalah dibatalkan secara automatik dan anda masih bertanggungjawab bagi premium pro rata pada tempoh hari-hari yang kami masih menanggung risiko.
- Anda dikehendaki mendedahkan apa-apa perkara lain yang anda tahu berkaitan dengan keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang akan dikenakan dan apa-apa perkara seorang yang munasabah dalam keadaan itu boleh dijangka tahu sebagai berkaitan.
- Anda mempunyai kewajipan untuk memberitahu kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans anda ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan kami (atau semasa permohonan insurans ini), apa-apa maklumat yang dinyatakan dalam Borang Cadangan tidak tepat atau sudah berubah.
- Tempoh perlindungan adalah berpadanan dengan tempoh perjanjian yang mana dinyatakan di dalam Surat Penganugerahan.

Nota: Senarai ini tidak lengkap. Anda harus merujuk kepada polisi untuk senarai penuh terma dan syarat.

5. Bolehkah saya membatalkan polisi saya?

Polisi ini tiada syarat pembatalan.

Jika anda mempunyai sebarang aduan, sila hubungi kami di:

Unit Pengawasan Aduan

40-01, Q Sentral, 2A Jalan Stesen Sentral 2, Kuala Lumpur Sentral, 50470 Kuala Lumpur, Malaysia.

(P.O. Box 12490, 50780 Kuala Lumpur, Malaysia.)

Tel: +603-2633 8999 Faks: +603-2633 8998 Emel: customerservice@pacificinsurance.com.my

Sekiranya anda tidak berpuas hati dengan maklum balas kami, anda boleh menghubungi pihak berikut:

(a) **Laman Informasi Nasihat dan Khidmat (BNMLINK) Bank Negara Malaysia**

Tingkat 4, Podium Bangunan AICB, No. 10, Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur

Tel: 1-300-88-5465 Faks: +603-2174 1515 Borang Sesawang: bnm.gov.my/BNMLINK

(b) **Perkhidmatan Ombudsman Pasaran Kewangan (FMOS)**

Tingkat 14, Blok Utama, Menara Takaful Malaysia, No. 4, Jalan Sultan Sulaiman, 50000 Kuala Lumpur

Tel: +603-2272 2811 Laman Sesawang: www.fmos.org.my